11 Apakah tujuan pembentukan CLC?
I Membaiki sistem pentadbiran yang mantap
II Mewujudkan keadaan muhibah penduduk
III Mengkaji hubungan kaum secara mendalam
IV Mencadangkan undang-undang berkaitan jabatan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 174)

12 Apakah jawatan tokoh berikut dalam Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?

E. E. C. Thuraisingham

A Penaung
B Pengerusi
C Penasihat
D Pemerhati

(Buku Teks m.s. 174 – 175)

13 Apakah kepentingan penubuhan CLC terhadap negara?
A Mendapat sokongan semua kaum
B Menjadi asas kemerdekaan negara
C Meningkatkan kestabilan sosioekonomi
D Menggembleng tenaga menyokong kerajaan

(Buku Teks m.s. 174 – 175)

14 CLC berperanan menyelesaikan isu pertikaian antara kaum di Tanah Melayu.
Apakah isu tersebut?
A Keistimewaan semua kaum
B Kemajuan sektor perdagangan
C Kedudukan ekonomi kaum lain
D Kewarganegaraan bukan Melayu

(Buku Teks m.s. 176)

15 Bagaimanakah keadaan pendidikan Tanah Melayu sebelum merdeka?
A Penggunaan bahasa Melayu
B Sistem persekolahan yang sama
C Sukatan pelajaran yang berlainan
D Penggunaan buku teks yang sama

(Buku Teks m.s. 176)

16 Apakah tuntutan orang Melayu sebagai penduduk asal Alam Melayu?
A Melonggarkan syarat kewarganegaraan
B Menubuhkan jawatankuasa pendidikan
C Mendapat tempat dalam pentadbiran
D Memperoleh kedudukan istimewa

(Buku Teks m.s. 176)

17 Rajah berikut berkaitan dengan hasil rundingan CLC ke arah berkerajaan sendiri.



Apakah X?
A Majlis Negeri
B Majlis Eksekutif
C Majlis Persekutuan
D Majlis Perbandaran

(Buku Teks m.s. 177)

18 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan CLC.

> Sebuah agensi ditubuhkan untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu.

Apakah agensi tersebut?
A Majlis Tindakan Ekonomi Negara
B Lembaga Pembangunan Industri Desa
C Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
D Lembaga Kemajuan Wilayah Persekutuan

(Buku Teks m.s. 177)

19 Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) adalah bukti tolak ansur orang Melayu ke arah perpaduan kaum negara.
Apakah tolak ansur orang Melayu tersebut?
A Menggunakan pendekatan muafakat
B Melonggarkan syarat kewarganegaraan
C Membenarkan kemasukan kaum imigran
D Mencadangkan sistem pendidikan kebangsaan

(Buku Teks m.s. 177)

20 Orang Melayu bersetuju memberi kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu.
Mengapakah orang Melayu bersetuju bertindak demikian?
A Mewujudkan keharmonian kaum
B Mempertahankan hak peribumi
C Melahirkan semangat patriotik
D Memelihara kestabilan politik

(Buku Teks m.s. 177)

LIVEWORKSHEETS